



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
MINISTRY OF TRANSPORT MALAYSIA
No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-8000 9000
Faks (Fax): 603-8888 0158
Laman Web (Web): www.mot.gov.my

KP/BD/PJ/0.49/2 Jld. 6 (12)
21 Jun 2016

SEGERA DENGAN FAKS

Encik Mohd Haniff Bin Abdul Ghani
Setiausaha Eksekutif
2nd Floor, Northport B
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara
42000 PELABUHAN KELANG

Faks: 03-3176 4676

Tuan,

**NOTIS MAKLUMAN BERHUBUNG LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN
BARANGAN SEMPERA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITIR PADA 2,3,9
DAN 10 JULAI 2016**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan notis makluman berhubung larangan pemanduan kenderaan barangan pada 2,3,9 dan 10 Julai 2016 sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2016. Perincian adalah seperti dilampirkan bersama-sama surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(P. JEEVANANTH A/L PALIAH)
Bahagian Logistik & Pengangkutan Darat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
MALAYSIA

JADUAL LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN SEMASA CUTI PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2016 PADA 2 & 3 JULAI 2016 (SEBELUM MUSIM PERAYAAN) DAN 9 & 10 JULAI 2016 (SELEPAS MUSIM PERAYAAN)

KATEGORI	JENIS KENDERAAN BERAT	MASA LARANGAN
Kategori 1	1.1 Lori pengangkut rendah, lori balak, lori pembancuh simen, lori jongket dan lori mengangkut simen, besi, keluli, batu, pasir, tanah dan bahan binaan yang lain. 1.2 Jentera berat beroda, traktor dan trak tunda. 1.3 Lori mengangkut amang, bijih timah, arang batu dan bahan galian yang lain. 1.4 Lori pengangkut yang mengangkut kenderaan motor yang berat dengan muatannya melebihi 5,000kg.	Sekatan Penuh (Total Ban)
Kategori 2	2.1 Lori kontena/kargo yang mengangkut barangan elektronik atau elektrik.	12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi
Kategori 3	3.1 Kran bergerak (Mobile Cranes).	6.00 petang hingga 6.00 pagi di kawasan Lembah Kelang, Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (25 km dari tapak pembinaan) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu.
Kategori 4	4.1 Lori mengangkut gas dan kimia untuk bekalan perubahan dan industri kimia. 4.2 Lori kontena atau kargo yang mengangkut barangan dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan industri dan sebaliknya. 4.3 Lori kargo yang mengangkut makanan dan minuman dari kilang, buah-buahan, sayur-sayuran dan barangan keperluan harian lain, kelapa sawit, produk kelapa sawit, getah sekerap, susu gelah dan bahan mentah yang lain, barang runcit, akhbar, ternakan dan kotak. 4.4 Lori mengangkut sampah dan kumbahan. 4.5 Kenderaan barangan yang berat dengan muatannya tidak melebihi 5,000 kg atau kenderaan barangan tanpa muatan yang dalam perjalanan pulang. 4.6 Lori kontena atau kargo yang berulang-alik di antara terminal dalam kawasan pelabuhan. 4.7 Lori kontena atau kargo yang berulang-alik dari pelabuhan ke gudang dan sebaliknya atau dalam kawasan perindustrian yang berhampiran dengan pelabuhan. 4.8 Lori tangki yang mengangkut petrol, diesel, gas dan LPG. 4.9 Lori dan jentera berat bagi maksud operasi kecemasan dan menyelamat. 4.10 Lori perkhidmatan pos.	Tidak dikenakan sekatan.